

NOTIS PEJABAT PENGURUSAN AKADEMIK

KAEDAH PENGESAHAN SALINAN SIJIL AKADEMIK DAN TRANSKRIP AKADEMIK BAGI TUJUAN PERMOHONAN PENGECCUALIAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN) BAGI GRADUAN KELAS PERTAMA

Perhatian kepada semua graduan Kelas Pertama yang ingin membuat permohonan pengecualian bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), pihak Pejabat Pengurusan Akademik (PPA) hanya akan membuat pengesahan kepada dokumen **secara *hardcopy* sahaja** seperti senarai di bawah :

Bil	Jenis Dokumen	Kuantiti Yang Akan disahkan
1.	Sijil Akademik (Skrol)	2 salinan sahaja
2.	Transkrip Akademik	2 salinan sahaja
3.	Surat Pengesahan Penganugerahan <i>*Sekiranya tiada dalam simpanan, boleh rujuk notis ini.</i>	2 salinan sahaja

Sila sertakan **satu sampul surat bersaiz A4 yang lengkap berselem atau sampul prabayar Pos Laju / Pos Ekspres sahaja** dengan nama dan alamat pemohon telah diisi lengkap bagi tujuan pengesahan semula oleh pihak PPA.

Semua permohonan pengesahan dokumen yang lengkap perlu dihantar ke alamat berikut :

**Pejabat Pengurusan Akademik
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja
Batu Pahat, Johor
U.p. : Unit Peperiksaan dan Pengijazahan Pelajar**

Sila ambil maklum bahawa **Tarikh Tamat Pengajian** bagi graduan UTHM adalah merujuk kepada **Tarikh Senat** yang tertera pada Sijil Akademik, Transkrip Akademik atau Surat Pengesahan Penganugerahan manakala bagi **Tarikh Konvokesyen** pula boleh rujuk [notis ini](#).

Dikeluarkan oleh :
**Pejabat Pengurusan Akademik
19 September 2022**